

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 (75)
Tarikh: 31 OGOS 2013

KENYATAAN MEDIA

BANTUAN SEGERA ATASI GANGUAN BEKALAN AIR

Gangguan bekalan air akibat daripada penutupan empat loji rawatan air bagi kerja pembersihan loji akibat tumpahan minyak diesel membabitkan kira-kira 10 kilometer sepanjang Sungai Selangor mencetuskan panik di kalangan penduduk Lembah Klang.

Penutupan empat loji rawatan Sungai Selangor membabitkan Fasa 1, 2 dan 3 serta Rantau Panjang dianggarkan menjejaskan hampir sejuta pengguna dari tujuh daerah di negeri ini.

Bagi mengatasi masalah bekalan air yang melanda penduduk di Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menubuhkan satu pelan tindakan khas bagi mengatasi permasalahan tersebut.

Pihak Majlis akan menyediakan perhidmatan tangki air statik dan lori tangki air di lokasi-lokasi kritikal berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam.

Tindakan segera yang diambil oleh pihak Majlis ini adalah bertujuan untuk membantu pihak SYABAS membekalkan bekalan air bersih ke kawasan yang terjejas teruk di kawasan pentadbiran Petaling Jaya sahaja.

Dengan kekangan logistik yang terhad bantuan yang disediakan oleh Majlis ini adalah secara "first come first serve". Bekalan air ini akan disediakan sehingga bekalan air bersih ke Petaling Jaya kembali pulih sepenuhnya.

Sebarang aduan dan pertanyaan orang ramai boleh menghubungi MBPJ ditalian 03 7954 2020 atau emelkan kepada aduan@mbpj.gov.my.

Disediakan oleh,

Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, ahmadiskandar@mbpj.gov.my